

B 8589 DEB
MAHATHIR - PULAU

IPOH, 13 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK MAHU MENGANJURKAN TINDAKAN PULAU-MEMULAU JIKA PARA PEKEDAI DAN PENIAGA ENGGAN MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG TERTENTU, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI.

BELIAU BERKATA TINDAKAN PULAU-MEMULAU ITU AKAN MENYEBABKAN PARA PENIAGA TERBABIT RASA TERTEKAN DAN MENIMBULKAN PULA IMPLIKASI LAIN SEPERTI BARANG-BARANG ITU +HILANG+ DARI PASARAN DAN PEKERJA KEDAI MENERIMA AKIBAT LAIN.

KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MAKAN MALAM RAKYAT DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MAHUKAN PEKEDAI DAN PENIAGA ITU MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG SECARA SUKARELA APABILA KOS PENGELUARAN BARANG-BARANG ITU TURUN.

BERIKUTAN PENGURANGAN KOS PENGELUARAN BARANG-BARANG KEPERLUAN HARIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBAYANGKAN HASRAT KERAJAAN MAHUKAN HARGA BARANG-BARANG TERBABIT DITURUNKAN LAGI SELAIN DARIPADA PENURUNAN HARGA BARANG-BARANG TERTENTU YANG DIUMUMKAN OLEH KERAJAAN BARU-BARU INI.

INI BAGI MERINGANI BEBAN YANG DITANGGUNG OLEH RAKYAT DALAM KEADAAN KEMELESETAN YANG SERPANJANGAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.
2300MST 13 03 86

U 8590 DEB
MAHATHIR - PULAU 2 IPOH

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK MENGAWAL HARGA BARANG-BARANG DAN PENJUAL BEBAS MENENTUKAN HARGANYA.

+TETAPI KITA MEMINTA KERJASAMA PENIAGA-PENIAGA MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG TERBABIT APABILA PERLU TANPA PERLU DIADAKAN KAWALAN ATAU TINDAKAN LAIN YANG MENYUSAHKAN SAHAJA,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT MENGENAI KOS PENGELUARAN MINYAK KELAPA SAWIT MALAYSIA YANG BEGITU TINGGI SEHINGGAKAN PENGELUARANNYA SEKARANG BERADA DALAM KERUGIAN BERIKUTAN KEJATUHAN HARGA MINYAK ITU KEPADA \$420 SATU TAN METRIK BERBANDING DENGAN KOS PENGELUARAN \$550.

INI BERMAKNA KERUGIAN \$130 PADA SETIAP SATU TAN METRIK PENGELUARAN MINYAK SAWIT NEGARA SEDANGKAN DI NEGARA-NEGARA PENGELUAR LAIN KOS PENGELUARAN HANYA ANTARA \$350 HINGGA \$390 SETAN METRIK, TAMBAH BELIAU.

MENURUT BELIAU, KEADAAN INI WUJUD AKIBAT BEBERAPA FAKTOR YANG TERMASUK KETIDAKCEKAPAN PENGURUSAN DALAM MENGENDALIKAN PENGELUARAN ITU.

INILAH JUGA YANG DITEKAN DAN DIMAKSUDKAN OLEH KERAJAAN APABILA DASAR PANDANG KE TIMUR DIPERKENALKAN UNTUK MENGAMALKAN KECEKAPAN, KERAJINAN, PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KUALITINYA YANG DAPAT DIPELAJARI DARIPADA JEPUN DAN KOREA, KATANYA LAGI. -- LAGI.
2310MST 13 03 86

U B592 DEB
MAHATHIR - PULAU 3 IPOH

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH SOAL PERPADUAN KAUM SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENAFIKAN ADANYA SEDIKIT PERSELISIHAN FAHAM ATAS BEBERAPA PERKARA DI ANTARA KAUM.

+TETAPI KERAJAAN TIDAK PERNAH MENCUBA MENGATASI MASALAH ITU DENGAN KEKERASAN, MELAINKAN DILAKUKAN SECARA RUNDINGAN. INILAH KEISTIMEWAAN MALAYSIA YANG MESTI DIKEKALKAN BAGI KESTABILAN NEGARA DALAM SETIAP ASPEK,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BANGGA KERANA MALAYSIA BERJAYA MENYATUPADUKAN RAKYAT DARIPADA PELBAGAI BANGSA DAN KETURUNAN MELALUI BERBAGAI-BAGAI RANCANGAN TANPA DISKRIMINASI SEHINGGA IA DAPAT MENGATASI KEMAJUAN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

BELIAU JUGA MENAFIKAN ADANYA DISKRIMINASI TERHADAP PEMBANGUNAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA PELBAGAI RANCANGAN SEDANG DISUSUN UNTUK TERUS MEMAJUKAN KAMPUNG BARU.

BELIAU MEMINTA MEREKA YANG MENDAKWA KAMPUNG BARU DIDISKRIMINASIKAN SUPAYA MENELITI KEADAAN DAN LAYANAN YANG DITERIMA DAHULU DENGAN KEADAAN DAN KEMAJUAN SEKARANG SEBAGAI BUKTI KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGANAK-TIRIKAN MEREKA. -- LAGI.
2314MST 13 03 86

U B593 DEB
MAHATHIR - PULAU 4 IPOH

LEBIH 2,500 ORANG MENGHADIRI JAMUAN RAKYAT ITU BAGI MENGALU-ALUKAN LAWATAN RASMI DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI KE NEGERI INI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, PARA PEGAWAI KERAJAAN NEGERI, PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI POLITIK, MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI DARI NEGERI INI DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID. -- BERNAMA.
2315MST 13 03 86